

PM kesal jenayah meningkat

BH 21/6/03

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam kesal dengan peningkatan kadar jenayah di negara ini yang berpunca daripada pelbagai pengaruh negatif, seperti bahan lucah dalam internet, buku dan novel.

Perdana Menteri berkata, pengedaran gambar lucah melalui internet menyebabkan keruntuhan nilai moral bukan setakat masyarakat di negara ini, malah di seluruh dunia.

Katanya, ibu bapa kini tidak mampu mengawal anak mereka berikutan pengedaran pelbagai bahan lucah melalui internet. Lebih menyedihkan, ada penulis novel terkemuka turut memasukkan unsur lucah dan keganasan dalam tulisan mereka, seolah-olah mereka sudah kehabisan idea penulisan.

"Di seluruh dunia berlaku peningkatan jenayah kerana keruntuhan nilai. Hari ini ibu bapa tidak boleh mengawal anak mereka.

"Masalah yang kita hadapi sekarang ialah berjuta-juta cakera padat video

(VCD) dan gambar lucah diedarkan di seluruh dunia.

"Anda boleh muat turun dari internet dan kita tengok gambar... semua gambar ganas," katanya pada sidang media selepas penangguhan Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Beliau ditanya mengenai faktor peningkatan pelbagai bentuk jenayah di negara ini sekarang.

Dr Mahathir berkata, filem bercorak ganas yang disajikan kepada masyarakat sekarang seperti *Terminator* secara tidak langsung mempengaruhi masyarakat melakukan keganasan.

"Terminator Satu, Terminator Dua, Terminator Tiga... saya juga mahu melepaskan anda. Tidak ada yang lain kecuali membunuh.

"Bila dia sudah tengok gambar lucah, ghairah sangat, tidak peduli apa yang dia buat. Maka jadilah sumbang mahram dan macam-macam lagi," katanya.

Perdana Menteri membayangkan isu itu

mungkin disentuh dalam perbahasan usul pendidikan/agama pada perhimpunan berkenaan hari ini.

Mengenai penyelewengan agama yang dilakukan Pas, Dr Mahathir berkata, usaha berterusan perlu dilakukan bagi membetulkan kekeliruan berpunca daripada penggunaan Islam yang kononnya menjadi landasan perjuangan parti pembangkang itu.

Mengenai pertemuannya dengan pemimpin parti politik asing di sini semalam, Perdana Menteri berkata, in bagi merapatkan hubungan antara Umno dengan parti itu, selain mempelajari kaedah urusan organisasi parti masing-masing.

Mengenai dakwaan ada pihak tertentu kononnya mewakili bank yang terbabit dalam penyediaan kredit mikro untuk usahawan kecil dan sederhana meminta peruntukan 10 peratus daripada pinjaman jika pinjaman mereka diluluskan, Dr Mahathir berkata, pemohon pinjaman itu harus membuat laporan polis.